



PROF. DR. ABDUL HALIM ABDUL GAFOR
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 10 Oktober 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 38/2024

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 1 NOVEMBER 2024
- SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan Perayaan Hari Deepavali yang akan disambut pada 31 Oktober 2024 (Khamis).

2. Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara yang tersebut kepada semua pelajar yang berbangsa India/penganut agama Hindu pada 1 November 2024 (Jumaat) sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut;

- i. Memberi pelepasan kuliah dan aktiviti pengajaran & pembelajaran; dan
- ii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian

3. Bagi para pelajar yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampus selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan para pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah lain yang bersesuaian.

4. Pihak universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali ke kampus kelak.

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

ILMU, MUTU DAN BUDI


www.ukm.my

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

'Selamat Menyambut Hari Deepavali'

Sekian.

Yang benar,



PROF. DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFUR

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)
 - Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my my Web: www.ukm.my/canselori

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my